

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
DI PELANCARAN WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN
DANGA BAY, JOHOR BAHRU,
4 NOVEMBER 2006**

YAB DATO' ABDUL GHANI OTHMAN
MENTERI BESAR JOHOR

YB MENTERI-MENTERI KABINET

YB AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN JOHOR

TUAN-TUAN YANG TERUTAMA

AHLI-AHLI JUMAAH MAJLIS DIRAJA JOHOR

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN

YBHG. DATO' AZMAN MOKHTAR
PENGARAH URUSAN, KHAZANAH NASIONAL BERHAD

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA MEMANJATKAN RASA SYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN BERKAT LIMPAN KURNIA DAN IZIN-NYA, KITA DAPAT SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI INI DALAM SATU MAJLIS YANG AMAT BESAR ERTINYA, BUKAN SAHAJA KEPADA NEGERI JOHOR TETAPI KEPADA SELURUH NEGARA, IAITU MAJLIS PELANCARAN WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN INI.

2. SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR TERUTAMANYA KEPADA YAB DATO' ABDUL GHANI OTHMAN, MENTERI BESAR JOHOR KERANA TELAH TAMPIL KEHADAPAN, MENYAHUT CABARAN BAGI MENCAPAI ASPIRASI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN DAN WAWASAN 2020. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA RAKYAT NEGERI JOHOR KERANA TELAH TURUT SAMA MENJAYAKAN MATLAMAT YANG MURNI INI. SOKONGAN DAN PERANAN RAKYAT JOHOR ADALAH AMAT PENTING BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM KINI DAN DI MASA HADAPAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. SEJARAH TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA JOHOR SEMEMANGNYA SEBUAH NEGERI YANG UNIK DAN KUKUH. SEMENJAK ZAMAN ALMARHUM SIR SULTAN ABU BAKAR IAITU NENDA SULTAN ISKANDAR LAGI, TATKALA NEGERI LAIN MASIH LAGI CUBA MELANGKAH KELUAR DARI KEMISKINAN DEK BELENGGU PENJAJAH, JOHOR TELAH MULA MENYUSUN STRATEGI DAN BERBICARA TENTANG PEMBANGUNAN DAN PEMODENAN.

4. BAGINDA BUKAN SAHAJA PRIHATIN TERHADAP PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT, TETAPI JUGA BIJAK DALAM HAL EHWAL PERDAGANGAN DAN EKONOMI. SULTAN ABU BAKAR MENGORAK LANGKAH MEMAJUKAN NEGERI JOHOR DAN MENYEBABKAN JOHOR MENJADI CONTOH DAN IKUTAN NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG TANAH MELAYU YANG LAIN.

5. SEMEMANGNYA ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR ADALAH SEORANG SULTAN YANG AMAT DISEGANI KERANA WAWASAN DAN KEBIJAKSANAANNYA, BUKAN SAHAJA DI ARENA TEMPATAN TETAPI JUGA DI ARENA ANTARABANGSA. FAKTOR INI JUGALAH YANG MENYEBABKAN BELIAU DAPAT MENJALINKAN HUBUNGAN YANG BAIK, BUKAN SAHAJA DENGAN PEDAGANG DAN PEMIMPIN BRITISH, TETAPI JUGA DENGAN PERMAISURI VICTORIA PADA KETIKA ITU. NAMUN, HUBUNGAN BAIK ITU TIDAK MENYEBABKAN SULTAN ABU BAKAR DIKAWAL ATAU DIKONGKONG OLEH PIHAK BRITISH. SEBALIKNYA, KEBIJAKSANAAN DAN KETOKOHAN BELIAU BEGITU DISEGANI PIHAK BRITISH.

6. DENGAN LAKARAN SEJARAH YANG SEBEGINI KUKUH DAN UNIK, TIDAK HAIRANLAH RAKYAT JOHOR JUGA DARI DULU SEHINGGA KINI, ADALAH RAKYAT YANG BEGITU MANTAP. MANTAP DALAM ERTI KATA YANG MENYELURUH: YAKIN DIRI, BERPANDANGAN JAUH, TINGGI ILMUNYA BAIK ILMU DUNIAWI MAHUPUN UKHRAWI, DAN PADA MASA YANG SAMA KEKAL DAN BANGGA DENGAN BUDAYA DAN ASAL-USULNYA.

7. HARI INI, NEGERI JOHOR JUGA AMAT BERTUAH KERANA SULTAN YANG BERTAKHTA MEMERINTAH ADALAH WARIS SULTAN ABU BAKAR SENDIRI IAITU CUCUNDANYA, TUANKU SULTAN ISKANDAR, YANG MEWARISI SEGALA KEKUATAN, KEBIJAKSANAAN DAN DINAMISME NENDA BAGINDA.

8. BERBEKALKAN ASAS YANG KUKUH INI, JOHOR MASIH LAGI MEGAH BERDIRI SEBAGAI SALAH SEBUAH NEGERI YANG TERMAJU DI MALAYSIA HARI INI. JOHOR AMAT BERTUAH KERANA MEMPUNYAI SEGALA ELEMEN UNTUK MEMBANGUN SEBAGAI SEBUAH KAWASAN EKONOMI YANG DINAMIK. BAIK DARI SEGI KEDUDUKAN GEOGRAFINYA SEBAGAI NEGERI GERBANG SELATAN SEMENANJUNG TANAH AIR; BAIK DARI SEGI INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA YANG TERSEDIA; BAIK DARI SEGI TANAH YANG BUKAN SAHAJA LUAS TETAPI STRATEGIK UNTUK DIBANGUNKAN; BAIK DARI SEGI RAKYAT YANG BUKAN SAHAJA AGAK BESAR JUMLAHNYA TETAPI JUGA AMAT MEMENTINGKAN PENDIDIKAN; DAN BAIK DARI SEGI KERAJAAN NEGERI YANG DINAMIK DAN PROGRESIF.

9. ATAS KESEMUA FAKTOR INILAH, KERAJAAN TELAH MENGENALPASTI SELATAN JOHOR SEBAGAI KAWASAN PEMBANGUNAN NEGARA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. RANCANGAN PEMBANGUNAN DI SELATAN JOHOR AKAN MEMBAWA NEGERI JOHOR DAN RAKYATNYA YANG SEDIA MAJU, MELANGKAH LEBIH JAUH LAGI. WALAUPUN HARI INI, JOHOR SUDAH SEDIA TERKENAL SEBAGAI NEGERI YANG MAJU DAN DINAMIK, SAYA PERCAYA JOHOR SELATAN MAMPU UNTUK MELAKUKAN SATU LONJAKAN PEMBANGUNAN UNTUK MENJADI METROPOLIS MALAYSIA BERTARAF DUNIA SELEPAS KUALA LUMPUR. JOHOR BERPOTENSI UNTUK MENJADI DESTINASI PILIHAN ANTARABANGSA BAGI PELABUR, PENIAGA, CENDEKIAWAN, DAN RAMAI LAGI. PADA KETIKA ITU NANTI, KITA AKAN BERBANGGA UNTUK MELIHAT JOHOR SELATAN BERPERANAN SEBAGAI 'HUB' KETAMADUNAN ASIA.

10. HAKIKATNYA, JIKA SEGALA HASRAT DAN PERANCANGAN INI BERJAYA DIREALISASIKAN, RAKYAT JOHOR PASTINYA AKAN MENJADI PENERIMA FAEDAH YANG PERTAMA DAN UTAMA. BAYANGKAN, HARI INI NILAI HARTANAH DI JOHOR DILETAKKAN PADA KADAR SEDEMIKIAN RUPA. NAMUN, WALAUPUN HANYA DIPISAHKAN OLEH DUA TIGA BATU JARAKNYA, NILAI HARTANAH DI NEGARA JIRAN KITA BEGITU MELAMBUNG TINGGI HINGGA MENCAPI BERPULUH KALI GANDA NILAI HARTANAH DI SINI. HAKIKATNYA, JOHOR MEMPUNYAI POTENSI UNTUK MENYAINGI KEKUATAN SESIAPA SAHAJA, AGAR DAPAT BERADA PADA KEDUDUKAN YANG SETARAF ATAU LEBIH BAIK DARI MEREKA. SESUNGGUHNYA, JOHOR DIKURNIAKAN ALLAH S.W.T. DENGAN PELBAGAI KELEBIHAN; SUDAH TIBA MASANYA UNTUK KITA MEMANFAATKAN PEMBERIANNYA DENGAN SEPENUH-PENUHNYA.

11. LONJAKAN PEMBANGUNAN JOHOR SELATAN HANYA AKAN BERLAKU SEKIRANYA AKAL DAN TENAGA SEMUA PIHAK DIGEMBELING SECARA PADU. DENGAN ITU, KEPUTUSAN TELAH DIAMBIL SUPAYA KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI BEKERJA BERSAMA SEBAGAI RAKAN KONGSI UNTUK MELAKSANAKAN CITA-CITA MURNI INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

12. SESUNGGUHNYA, PENDEKATAN SEDEMIKIAN INI MERUPAKAN SALAHSATU FALSAFAH UTAMA KEPADA PENGGUBALAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. SEJAK KEMERDEKAAN, NEGARA KITA TELAH BERJAYA MENCATAT PELBAGAI KEJAYAAN, DARI PEMBASMIAN KEMISKINAN KEPADA PEMBINAAN PENCAKAR LANGIT YANG TERTINGGI DI DUNIA. KINI DENGAN BERMULANYA FASA PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN, SUDAH TIBALAH MASANYA UNTUK KITA MENINGKATKAN PENCAPAIAN KITA DAN MELUASKAN JEJAK KEJAYAAN KITA KEPADA WILAYAH-WILAYAH DI SELATAN, UTARA, TIMUR SEMENANJUNG, SERTA SABAH DAN SARAWAK, SUPAYA HASIL PEMBANGUNAN DAPAT DIKECAPI RAKYAT DI SEGENAP PELUSUK NEGARA.

13. PELANCARAN PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN MERUPAKAN PERMULAAN USAHA NEGARA DALAM MEREALISASIKAN POTENSI WILAYAH-WILAYAH DI LUAR KAWASAN LEMBAH KELANG. DENGAN KAWASAN MELEBIHI 2,200 KILOMETER PERSEGI, WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN MERUPAKAN PROJEK PEMBANGUNAN TERBESAR YANG PERNAH DIUSAHAKAN DI RANTAU INI. WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN ADALAH INISIATIF NEGARA YANG AMAT PENTING; BUKAN SAHAJA DARI SEGI KESEIMBANGAN PEMBANGUNAN, TETAPI KERANA IA JUGA MELAMBANGKAN POTENSI KEDUDUKAN NEGARA DALAM ERA GLOBALISASI DAN TEKNOLOGI TINGGI. JIKA KITA BERJAYA MENJANA PERTUMBUHAN DAN KEKAYAAN DALAM ERA INI, SEPERTI YANG DICITA-CITAKAN BAGI WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN, MAKA MASA HADAPAN RAKYAT DI SELURUH NEGARA AKAN LEBIH TERJAMIN BAGI ERA-ERA YANG SETERUSNYA, INSYA'ALLAH.

14. ERA YANG KITA HADAPI PADA MASA INI MENUNTUT CIRI-CIRI YANG AMAT BERLAINAN DARIPADA ERA YANG LALU. DENGAN ITU, PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN DIRANCANG SUPAYA MEMENUHI SYARAT-SYARAT DUNIA EKONOMI YANG GLOBAL. PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN MERUPAKAN PELAN YANG AMAT MENYELURUH, MERANGKUMI PELBAGAI PROGRAM AND PROJEK BAGI MENJAYAKAN USAHA GERGASI INI, SELARAS DENGAN KELIMA-LIMA TERAS MISI NASIONAL.

15. PERTAMA SEKALI, TUMPUAN DIBERI KEPADA MENINGKATKAN NILAI PENGELUARAN EKONOMI JOHOR SELATAN DENGAN MEMANFAATKAN KELEBIHAN SEMULAJADI KAWASAN INI. KELEBIHAN LOKASI JOHOR SELATAN SERTA PRASARANA PELABUHAN DAN LAPANGAN TERBANG AKAN DIMANFAATKAN DENGAN MEMBANGUNKAN 'HUB' LOGISTIK, KARGO DAN PENGANGKUTAN. KELEBIHAN MODAL INSAN AKAN DIMANFAATKAN DENGAN MENGGALAK PERTUMBUHAN SEKTOR-SEKTOR BARU SEPERTI I.C.T., SEKTOR MULTIMEDIA DAN KREATIF, SEKTOR PERUBATAN SERTA SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN ANTARABANGSA TERUTAMANYA KEWANGAN ISLAM. KEKUATAN INDUSTRI KELAPA SAWIT DAN PERTANIAN DI JOHOR AKAN DIPERLUASKAN DENGAN PENUBUHAN PUSAT BIOFUEL SERTA PUSAT PEMROSESAN HALAL. KEINDAHAN SEMULAJADI NEGERI JOHOR AKAN DIMANFAATKAN DENGAN MENGGALAK PERTUMBUHAN SEKTOR PELANCONGAN. PELABURAN SWASTA SERTA PENGUKUHAN RANGKAIAN ANTARABANGSA AKAN MENJADI TUNJANG UTAMA PERTUMBUHAN INI, DIDOKONG OLEH USAHA KERAJAAN UNTUK MENAIKTARAF SUASANA PERNIAGAAN DI ZON-ZON EKONOMI KHAS.

16. KEDUA, PENEKANAN DIBERIKAN KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN. INSTITUSI PENGAJIAN AKAN DIPERTINGKATKAN DAN SATU PUSAT PENDIDIKAN AKAN DIBANGUNKAN, DIANGGOTAI OLEH INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN SERTA PENYELIDIKAN BERTARAF ANTARABANGSA. PENGEMBANGAN MINDA DAN KEMAHIRAN ADALAH KOMPONEN YANG AMAT PENTING BAGI PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR SECARA BERTERUSAN, DAN DENGAN ITU, PERHATIAN KHAS PERLU DIBERIKAN KEPADA MUTU SERTA PENYEDIAAN PENDIDIKAN YANG BERTARAF TINGGI.

17. KETIGA, PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN DIRANCANG SECARA SEIMBANG. USAHA-USAHA AKAN DIAMBIL UNTUK MEMASTIKAN KAWASAN LUAR BANDAR JUGA MENERIMA MANFAAT DARIPADA PEMBANGUNAN DI ZON-ZON EKONOMI JOHOR SELATAN. PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN ADALAH UNTUK SEMUA RAKYAT JOHOR KHASNYA DAN RAKYAT MALAYSIA AMNYA; SETIAP KOMUNITI TIDAK AKAN TERKECUALI DARIPADA HASIL PEMBANGUNAN DAN AKAN DIBERI PELUANG UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN. INI TERMASUKLAH USAHA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN SERTA USAHA MEMBANGUNKAN USAHAWAN SERTA I.K.S. BUMIPUTERA, SUPAYA KOMUNITI BUMIPUTERA MENJADI PENYUMBANG EKONOMI YANG PENTING DAN PRODUKTIF. SAYA FAHAM, MUNGKIN ADA RAKYAT JOHOR YANG KHUATIR BAHAWA APABILA HARTANAH DI JOHOR MENINGKAT NILAINYA NANTI, ORANG JOHOR SENDIRI YANG AKAN TERCICIR, KITA SENDIRI NANTI YANG TIDAK MAMPU MEMILIKINYA. NAMUN, JANGANLAH ITU YANG KITA BIMBANGKAN SEHINGGA MENGHINDAR DARI USAHA PEMBANGUNAN. HAKIKATNYA, KERAJAAN DALAM MENENTUKAN DASAR DAN PROGRAM PEMBANGUNAN MENGANGKAT HAK DAN KEBAJIKAN RAKYAT MALAYSIA SEBAGAI SATU KEUTAMAAN.

18. KEEMPAT, KUALITI HIDUP DI WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN AKAN DIPERTINGKATKAN. ANTARA KOMPONEN PENTING YANG TERKANDUNG DALAM PELAN INDUK INI ADALAH KOMPONEN PRASARANA KEHIDUPAN ATAU 'LIVING INFRASTRUCTURE'. SISTEM PENGANGKUTAN AKAN DINAIKTARAF. KAWASAN PERUMAHAN AKAN DIDIRIKAN LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN RAKYAT DARIPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. SEBAGAI TEMPAT RIADAH UTAMA, SATU KAWASAN REKREASI BESAR AKAN DIBANGUNKAN DI SEPANJANG PERSISIRAN SELAT TEBRAU, SETANDING DENGAN KAWASAN-KAWASAN RIADAH DI LUAR NEGARA. RAKYAT SERTA PELANCONG AKAN DAPAT MENIKMATI KEUNIKAN GEOGRAFI PANTAI JOHOR SELATAN DI 'WATERFRONT CITY' INI.

19. KELIMA, TUMPUAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PELAKSANAAN YANG BAIK. PERANCANGAN PELAN INDUK KAWASAN EKONOMI JOHOR SELATAN TELAH MELIBATKAN TOKOH-TOKOH PERANCANGAN BERTARAF DUNIA TERMASUK ANAK-ANAK JOHOR SENDIRI. PERHATIAN YANG SAMA JUGA HARUS DICURAH KE ATAS PELAKSANAAN PELAN TERSEBUT. SELARAS DENGAN ITU, SATU BADAN BERKANUN, 'PIHAK BERKUASA JOHOR SELATAN', AKAN DITUBUHKAN UNTUK BERFUNGSI SEBAGAI PUSAT SEHENTI BAGI PEMBANGUNAN WILAYAH INI. BADAN BERKANUN TERSEBUT AKAN MENJADI RAKAN KONGSI KEPADA PARA PELABUR, PENIAGA DAN PENGHUNI WILAYAH INI BAGI MEMASTIKAN SUPAYA WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN MENJADI DESTINASI ANTARABANGSA PILIHAN. SEBAGAI INISIATIF BERSAMA DI ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT, BADAN TERSEBUT AKAN MEMASTIKAN PEMBANGUNAN WILAYAH INI SELARI DENGAN CITA-CITA RAKYAT JOHOR DI SAMPING MENCAPI MATLAMAT MISI NASIONAL. PADA MASA YANG SAMA, KERAJAAN NEGERI TETAP MEMEGANG BIDANG KUASA SEPerti YANG TERMAKTUB DI DALAM PERLEMBAGAAN NEGARA, YANG AKAN DITINGKATKAN LAGI DENGAN CADANGAN PEMBANGUNAN NUSAJAYA SEBAGAI PUSAT PENTADBIRAN BARU NEGERI JOHOR.

20. INISIATIF WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN ADALAH ANTARA PROGRAM PEMBANGUNAN YANG PALING BESAR DAN HEBAT DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN NEGARA KITA. ADALAH DIANGGARKAN LEBIH 800,000 PEKERJAAN AKAN DIWUJUDKAN DALAM TEMPOH 20 TAHUN DAN PENDAPATAN PER KAPITA RAKYAT JOHOR AKAN DITINGKATKAN LEBIH SEKALI GANDA. ADALAH DIANGGARKAN DENGAN INISIATIF INI PENDAPATAN PER KAPITA DI KAWASAN JOHOR SELATAN AKAN MENCAPI SEBANYAK USD31,100 PADA TAHUN 2025, BERBANDING DENGAN HANYA USD 26,694 JIKA INISIATIF INI TIDAK DI ADAKAN. SESUNGGUHNYA, SAYA MERASA AMAT GEMBIRA DAN BERBESAR HATI DI ATAS PELANCARAN PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN PADA HARI INI; KERANA IANYA JUGA MERUPAKAN PERMULAAN MODEL PEMBANGUNAN ERA GLOBALISASI BAGI NEGARA KITA. SAYA MERASA BANGGA ATAS SEGALA USAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR, KHAZANAH NASIONAL SERTA AGENSI-AGENCI KERAJAAN DALAM MELAHIRKAN PELAN INDUK INI DAN SAYA BERDOA IANYA DISUSULI DENGAN KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN, INSYA'ALLAH.

LADIES AND GENTLEMEN,

21. TODAY IS AN HISTORIC DAY FOR JOHOREANS AND MALAYSIANS ALIKE, AS WE GATHER HERE TO WITNESS THE OFFICIAL LAUNCH OF THE SOUTH JOHOR ECONOMIC REGION. THE S.J.E.R. IS ONE OF THE MOST IMPORTANT AND AMBITIOUS INITIATIVES NOT ONLY IN THE NINTH MALAYSIA PLAN BUT ALSO IN THE HISTORY OF OUR NATION'S DEVELOPMENT. THE PROJECT AIMS TO BE A MODEL OF ECONOMIC DEVELOPMENT IN THE EXTREMELY COMPETITIVE ERA OF GLOBALISATION AND HIGH TECHNOLOGY, WHILE AT THE SAME TIME ENCOMPASSING FACTORS CRITICAL TO QUALITY LIVING SUCH AS ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY, EFFICIENT PUBLIC SERVICES, SAFETY AND SECURITY, AS WELL AS CULTURAL DIVERSITY. WITH THE RIGHT EXECUTION, THE S.J.E.R. WILL TRULY REPRESENT THE NEXT PHASE OF MALAYSIA'S DEVELOPMENT, STANDING SHOULDER TO SHOULDER WITH THE WORLD'S SUCCESSES IN REGIONAL DEVELOPMENT.

22. COVERING AN AREA OF 2,217 SQUARE KILOMETRES, THE S.J.E.R. IS THE SINGLE LARGEST DEVELOPMENT PROJECT EVER TO BE UNDERTAKEN IN THE REGION. LOCATED IN THE HEART OF THE CHINA-INDIA-ASEAN GROWTH NEXUS,

SUPPORTED BY STRONG AIR AND SEA LOGISTICAL INFRASTRUCTURE, AMPLE HINTERLAND, EDUCATED WORKFORCE, VIBRANT CULTURE, A PROGRESSIVE AND VISIONARY STATE GOVERNMENT – SOUTH JOHOR HAS IT ALL. TRULY, THE S.J.E.R. IS BLESSED WITH ELEMENTS THAT MAKE FOR A DYNAMIC INTERNATIONAL METROPOLIS. EQUIPPED WITH THESE ADVANTAGES, IT REMAINS FOR US TO ENSURE THAT THIS IMMENSE POTENTIAL IS HARNESSSED AND REALISED FOR THE BENEFIT OF ALL.

23. THE ECONOMIC DEVELOPMENT OF THE S.J.E.R. WILL BE DEEPENED AND ACCELERATED BY FURTHER DEVELOPING THE ECONOMIC ZONES IN THIS AREA. THE PLANS INCLUDE STRENGTHENING S.J.E.R.'S ROLE AS A LOGISTICAL HUB BY LEVERAGING THE PORTS OF TANJUNG PELEPAS, JOHOR PORT AND SENAI AIRPORT. THE DEVELOPMENT OF NEW SERVICE-BASED INDUSTRIES WILL BE CATALYSED BY THE DEVELOPMENT OF CYBER-CENTRES, A MEDICAL HUB, AN INTERNATIONAL ISLAMIC FINANCE CENTRE, A CREATIVE INDUSTRIES PARK AND A CENTRE FOR HALAL MANUFACTURING. HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT FOR S.J.E.R.'S BURGEONING ECONOMY WILL BE CONCENTRATED IN A NEWLY DEVELOPED EDUCATION CITY, FEATURING UNIVERSITIES AND R&D INSTITUTIONS OF WORLD-CLASS STANDING.

24. MUCH FOCUS IS PUT ON THE QUALITY OF LIFE IN THE S.J.E.R.. MAJOR HOUSING DEVELOPMENTS WILL TAKE PLACE TO CATER FOR THE EXPECTED GROWTH IN POPULATION. AMENITIES SUCH AS SCHOOLS, HOSPITALS, TRANSPORTATION LINKS AND RECREATIONAL FACILITIES WILL BE PROVIDED. AS A MAJOR CULTURAL LANDMARK, A WATERFRONT CITY WILL BE DEVELOPED ALONG THE TEBRAU STRAITS TO PROVIDE A NATURAL CONVERGENCE POINT FOR RESIDENTS AND TOURISTS ALIKE. AS A STATE CHARACTERISED BY ITS WEALTH OF COASTLINES, IT IS ONLY FITTING THAT JOHOR INHERITS A WATERFRONT COMPARABLE TO THOSE OF OTHER HARBOUR-CITIES.

25. AS PROOF OF THE FEDERAL GOVERNMENT'S COMMITMENT TO THE S.J.E.R., AN ALLOCATION OF 4.3 BILLION RINGGIT HAS BEEN MADE UNDER THE NINTH MALAYSIAN PLAN TO KICK START WORK ON SECURITY, INFRASTRUCTURE, DRAINAGE, RIVER MANAGEMENT AND TRAFFIC IMPROVEMENT. GOVERNMENT-LINKED ENTITIES SUCH AS KHAZANAH NASIONAL AND THE EMPLOYEES PROVIDENT FUND (E.P.F.) WILL MAKE AT LEAST A FURTHER 3.4 BILLION RINGGIT WORTH OF INITIAL INVESTMENT INTO VARIOUS STRATEGIC PROJECTS VIA THE NEWLY ESTABLISHED SOUTH JOHOR INVESTMENT CORPORATION (S.J.I.C.). S.J.I.C.'S MAIDEN VENTURE WILL INVOLVE THE WATERFRONT REAL ESTATE DEVELOPMENT, LED BY A NEW JOINT VENTURE COMPANY FORMED BETWEEN S.J.I.C., K.P.R.J. AND DANGA BAY. ADDITIONALLY, PRIVATE SECTOR INVESTMENTS, BOTH LOCAL AND FOREIGN, HAVE EXPRESSED INTEREST IN SETTING UP AT THE S.J.E.R.. TAKEN IN TOTAL, WE ARE EXPECTING ABOUT TEN BILLION RINGGIT OF INVESTMENTS INTO S.J.E.R. IN THE EARLY PHASE OF DEVELOPMENT. AS THE GROWTH OF THE S.J.E.R. STEPS UP, WE CAN EXPECT THE BIGGEST NAMES IN INTERNATIONAL BUSINESS TO BE LOCATED HERE.

26. TO COORDINATE THESE EFFORTS, A STATUTORY BODY WILL BE FORMED, SERVING AS A ONE-STOP-CENTRE TO ENABLE EFFICIENT PROCESSING OF PLANS AND PROPOSALS. THIS ONE-STOP-CENTRE WILL BE BENCHMARKED AGAINST THE REGION'S BEST IN TERMS OF SERVICE STANDARDS, IN ORDER TO EFFECTIVELY SUPPORT THE S.J.E.R.'S CURRENT AND FUTURE PARTNERS.

27. AS I HOPE YOU WILL SEE LADIES AND GENTLEMEN, WE MEAN BUSINESS. OUR VISION IS TO MAKE SOUTH JOHOR THE NEW INTERNATIONAL ADDRESS FOR BUSINESS, INVESTMENT, LEISURE AND CULTURE. OUR VISION IS FOR S.J.E.R. TO SHOWCASE ALL THAT MALAYSIA CAN BE. NOT ONLY WILL THIS AMBITIOUS EFFORT BENEFIT THE PEOPLE OF JOHOR, IT WILL ALSO BRING GREAT RETURNS TO THE PARTNERS OF S.J.E.R.. I THANK THE KINGDOM AND THE PEOPLE OF JOHOR FOR THEIR UNWAVERING SUPPORT AND COMMITMENT, AND I JOIN THEM IN LOOKING TOWARDS THE FUTURE WITH GREAT HOPE AND EXCITEMENT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

28. SAYA PERCAYA, DENGAN PELAKSANAAN YANG SEBIJAK DAN SETELITI PERANCANGANNYA, PEMBANGUNAN JOHOR SELATAN AKAN MENJADI PEMBANGUNAN BERTARAF ANTARABANGSA. INI PASTINYA AKAN MENGANGKAT MARTABAT NEGERI DAN RAKYAT JOHOR DALAM SEGENAP ASPEK, BAIK DARI SEGI EKONOMI, SOSIAL MAHUPUN BUDAYA. JIKA DI BAWAH KEPIMPINAN ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR, JOHOR DIBAWA MELANGKAH KE ERA MODEN DAN MENJADI TELADAN KEPADA NEGERI-NEGERI YANG LAIN, BIARLAH HARI INI DI BAWAH NAUNGAN TUANKU SULTAN ISKANDAR, JOHOR MELANGKAH KE ERA GLOBAL MENJADI TERAJU PEMBANGUNAN NEGARA, MENGANGKAT NAMA MALAYSIA KE PERSADA ANTARABANGSA. DENGAN BERKAT DOA YANG MUKHLISIN, PERMUAFAKATAN YANG ERAT DAN USAHA YANG GIGIH, POTENSI SEBENAR NEGERI JOHOR DAN RAKYATNYA AKAN DAPAT KITA PENUHI BERSAMA, INSYA-ALLAH.

SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUAILAKUM WARAHMATULLAHIBARAKATUH.